

HUBUNGAN GAYA KOMUNIKASI KEPIMPINAN GURU BESAR DENGAN TAHAP EFKASI KENDIRI GURU SEKOLAH RENDAH DAERAH DALAT, SARAWAK

Lindsay Bugang¹, *Rosnah Ishak¹ & Muhammad Faizal A. Ghani²

¹Universiti Pendidikan Sultan Idris

²Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

*rosnah.ishak@fpe.upsi.edu.my

ABSTRACT

The purpose of this study is to examine headmasters' leadership communication style and its relationship with primary school teachers' self-efficacy in Dalat, Sarawak. Quantitative approach with a survey study design was used in this study. Headmasters' leadership communication styles was measured using *Leadership Communication Profile* (LCP) and teachers' self efficacy was measured using *Teachers' Sense of Self-Efficacy Scale* (TSES). A total of 169 teachers in Dalat district primary schools were selected as samples. The data was analyse using Statistical Packages for Social Science (SPSS) version 25.0. The analysis showed that the headmasters practised all the three leadership communication styles at high level ($M = 4.15$, and $SD = 0.68313$). The level of teachers' self-efficacy were also high ($M = 7.49$, $SD = 1.04724$). The headmasters' leadership communication style had a significant positive relationship with the teachers' self efficacy ($r = 0.324$, $p < 0.05$) at medium strength. This study implies that school leaders should understand the function of leadership communication styles and use them as their strategies in leading the school communities towards the schools goals.

Keywords: Leadership communication style, Teachers' self efficacy, Sarawak

PENGENALAN

Tunjang utama pembangunan negara Malaysia adalah sistem pendidikan kerana setiap lapisan generasi dipersiapkan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran terkini untuk memusatkan pertumbuhan ekonomi serta memajukan negara. Sejak dahulu hingga kini, kejayaan sistem pendidikan merupakan hasil daripada kesungguhan dan iltizam tinggi para guru, pemimpin dan pentadbir sekolah, pegawai serta anggota sokongan yang menjadi dasar kekuatan Kementerian Pendidikan Malaysia (Muhammad Faizal et al., 2018). Sehubungan itu, kementerian terus mengambil langkah pembaharuan dengan membangunkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang meransang usaha transformasi sistem pendidikan secara pantas dan mapan untuk memenuhi keperluan negara pada masa hadapan. Bagi memastikan aspirasi ini dapat dicapai sepenuhnya, sekolah merupakan organisasi yang memainkan peranan penting untuk meningkatkan kualiti pendidikan negara. Azlin dan Roselan (2015) menyatakan sekolah adalah sebuah organisasi sosial yang perlu diuruskan dengan jayanya untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dan berkesan serta berupaya memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Pengurus sebuah sekolah rendah adalah Guru Besar dan barisan pentadbirnya. Muhammad Zulhelmi dan Azlin (2019) menyifatkan Guru Besar mempunyai empat tugas paling utama iaitu memimpin, mengurus, menjalankan hubungan luar dan mewujudkan hubungan sesama manusia. Oleh itu, hubungan antara Guru Besar dan guru-guru sangat perlu dititikberatkan terutamanya dari segi pelaksanaan tugas dan tanggungjawab di sekolah. Kemahiran Guru Besar berkomunikasi dengan baik dan berkesan dapat mempengaruhi guru untuk melaksanakan pelbagai program sekolah dan sekaligus mencapai matlamat yang telah ditetapkan oleh sekolah.

Justeru, komunikasi memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan kelancaran perjalanan sesebuah organisasi terutamanya sekolah. Ini kerana tanpa komunikasi yang berkesan, informasi yang benar dan tepat tidak dapat disampaikan kepada guru-guru serta ianya akan mengundang kepada konflik komunikasi yang berterusan dalam kalangan warga sekolah (Ananthan & Rosnah, 2023). Hybels dan Weaver (2014) menjelaskan komunikasi sebagai satu proses yang membolehkan maklumat, pendapat dan perasaan daripada individu dikongsi dengan individu yang lain. Manakala Ainon dan Abdullah Hassan (2010) menyatakan bahawa kemahiran berkomunikasi memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia. Guru Besar adalah peneraju utama yang akan menggerakkan pasukan sekolah serta menjadi penyumbang kepada pembentukan budaya kerja yang dinamik melalui kemahiran penyampaian dan penerimaan maklumat. Komunikasi dalam organisasi dilihat sangat penting dari sudut pendekatan antara manusia kerana pemimpin atau ketua sesebuah organisasi sangat memerlukan maklumat yang tepat dan jelas untuk membuat keputusan atau menyelesaikan masalah yang timbul (Mai & Akerson, 2003). Penyaluran mesej antara manusia yang mudah difahami akan memberi tindak balas yang berkesan dan seterusnya diterjemahkan dalam bentuk hasil kerja yang berkualiti (Oluga, 2010).

PENYATAAN MASALAH

Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi tahap efikasi kendiri guru. Salah satu faktor yang memberikan kesan yang besar terhadap tahap efikasi kendiri guru ialah beban tugas guru. Beban tugas guru telah menjadi satu isu yang sangat kritikal di Malaysia sehingga terdapat pelbagai masalah kesihatan yang dialami oleh guru (Ayuni Nabilah Alias et al., 2020). Beban tugas guru merangkumi pelbagai aspek seperti penglibatan guru dalam pengurusan dan pentadbiran, peranan guru dalam dokumentasi dan perancangan dan beban yang wujud kerana sekolah serba kekurangan. Apabila guru terlalu terlibat dalam pengurusan sekolah sehingga tiada masa untuk merancang dan memikirkan pembelajaran mereka sendiri, maka guru mengalami efikasi kendiri yang sangat rendah (Rosnah Ishak & Siti Nur Fatihah Rusman, 2018). Guru di Malaysia juga didapati sering dibebani tugas-tugas dokumentasi yang memaksa mereka untuk melakukan pelbagai laporan, menyediakan bukti dan menghantar pelbagai kertas kerja (Siti Nafsiah Ismail et al., 2018).

Komunikasi yang tidak berkesan juga memberi kesan kepada efikasi kendiri guru (Abdul Rahman, 2010). Hal yang demikian menyebabkan guru tidak mendapat maklumat seperti yang dikehendaki dan tidak dapat berinteraksi secara positif dalam persekitaran kerja mereka. Mai dan Akerson (2003) menyatakan apabila seorang pemimpin menguruskan komunikasi secara efektif, maka hubungan kerja antara pemimpin dan kakitangannya akan bertambah kuat dan kukuh. Hal yang demikian adalah kerana komunikasi kepimpinan ialah pembina hubungan melalui pelbagai dimensi. Komunikasi kepimpinan yang dipraktikkan sesuai dengan keperluan dan fungsinya akan menggerakkan semua aktiviti perancangan, pengurusan, kepimpinan dan pengawalan yang telah dibuat. Melalui komunikasi yang berkesan, ketua atau pemimpin akan berjaya memperbaiki atau mempengaruhi sikap serta kelakuan ahli untuk menjalankan sesuatu tugas sekaligus prestasi kerja dalam organisasi akan meningkat (Ab. Samad & Daeng Hasliza, 2012).

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara dua pembolehubah iaitu komunikasi kepimpinan guru besar dan efikasi kendiri guru sekolah rendah daerah Dalat, Sarawak. Objektif bagi kajian ini adalah untuk mengenal pasti: 1) tahap amalan gaya komunikasi kepimpinan dalam kalangan guru besar sekolah rendah daerah Dalat, 2) tahap efikasi kendiri guru sekolah rendah daerah Dalat dan 3) hubungan antara komunikasi kepimpinan guru besar dengan efikasi kendiri guru sekolah rendah daerah Dalat.

Soalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif yang dinyatakan, kajian ini cuba menjawab soalan berikut:

- i. Apakah tahap amalan setiap gaya komunikasi kepimpinan dalam kalangan guru besar sekolah rendah daerah Dalat, Sarawak?

- ii. Apakah tahap efikasi kendiri dalam kalangan guru sekolah rendah daerah Dalat Sarawak?
- iii. Adakah terdapat hubungan antara gaya komunikasi kepimpinan guru besar dengan efikasi kendiri guru sekolah rendah daerah Dalat Sarawak?

Hipotesis

H_01 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara komunikasi kepimpinan guru besar dengan efikasi kendiri guru sekolah rendah daerah Dalat, Sarawak.

SOROTAN KAJIAN

Efikasi kendiri guru

Bandura (1978) menggambarkan efikasi kendiri guru sebagai elemen yang perlu dibangunkan sejak permulaan latihan guru lagi. Kajian-kajian mengenai efikasi kendiri guru mendapati efikasi kendiri guru berkembang dari masa ke masa berdasarkan pada pengalaman dan pendedahan yang mereka dapat sejak bermulanya latihan pendidikan guru (Morris et al., 2017; Tümkaya & Miller, 2020). Situasi di sekolah telah menjadi salah satu faktor utama dalam menentukan tahap efikasi kendiri guru kerana setiap perkara yang berlaku di sekolah mempengaruhi tahap kepercayaan dan efikasi kendiri mereka (Yada et al., 2019). Cabaran yang dihadapi oleh guru di sekolah mempengaruhi tahap efikasi kendiri guru kerana realiti di sekolah membentuk tahap efikasi kendiri guru (Morris et al., 2017). Teori berkaitan efikasi kendiri guru telah berkembang dari masa ke masa berdasarkan pelbagai situasi berbeza yang dihadapi di sekolah.

Tschannen-Moran et al. (1998) memberikan penjelasan menyeluruh tentang konstruk efikasi kendiri guru dan ukurannya. Mereka menyemak data tentang konsep efikasi guru dari tahun 1974 hingga 1997. Selain itu, mereka mendasarkan penyelidikan kepada dua kerangka teori iaitu teori pembelajaran sosial Rotter (1966) dan teori kognitif sosial Bandura (1978). Kerja mereka mewakili elemen penyelidikan yang paling penting tentang keberkesanan guru. Hoy dan Woolfolk (1993) mengkaji hubungan antara efikasi kendiri guru dan iklim sekolah seperti yang diterangkan oleh enam dimensi: integriti institusi, pengaruh pengetua, pertimbangan, sokongan sumber, moral dan penekanan akademik. Secara khusus, matlamat mereka adalah untuk mengkaji persepsi guru terhadap dimensi iklim sekolah dan menghubungkan persepsi ini dengan efikasi pengajaran peribadi dan am guru. Mereka membuat hipotesis bahawa efikasi pengajaran umum dan efikasi pengajaran peribadi adalah berkaitan dengan persekitaran sekolah, yang merangkumi integriti institusi, penekanan akademik, sokongan sumber dan pengaruh utama.

Terdapat tiga aspek yang dilaporkan oleh Tschannen-Moran dan Hoy (2001) sebagai dimensi efikasi kendiri guru. Tschannen-Moran dan Hoy (2001) membangunkan skala yang telah mendapat perhatian penyelidik akhir-akhir ini iaitu Ohio State Teacher Sense of Efficacy Scale (TSES). Skala TSES merangkumi beberapa aspek tugas yang berbeza iaitu penglibatan pelajar, strategi pengajaran dan pengurusan bilik darjah. Menurut Tschannen-Moran dan Hoy (2001), ketiga-tiga faktor ini mewakili dimensi efikasi kendiri guru dan dapat menilai keberkesanan seseorang guru.

Komunikasi kepimpinan

Komunikasi kepimpinan adalah sangat penting dalam sebuah organisasi terutamanya melibatkan pihak pentadbiran dan kakitangan organisasi. Mai dan Akerson (2003) menjelaskan bahawa komunikasi kepimpinan adalah berkenaan dengan aspek pembinaan hubungan dalam semua dimensi. Selain daripada itu, komunikasi kepimpinan merupakan suatu rancangan untuk menghasilkan penambahbaikan yang dinamik untuk memenuhi agenda organisasi yang pelbagai. Tiga isu utama telah dibahaskan oleh mereka berkaitan dengan komunikasi kepimpinan iaitu komitmen kepada organisasi, kecaknaan terhadap matlamat organisasi serta kesungguhan dan keupayaan untuk memperbaiki organisasi. Hasil

daripada perbahasan tersebut, sepuluh fungsi komunikasi dalam konteks seorang pemimpin dicadangkan bagi membantu organisasi untuk menghadapi cabaran kerja baharu pada masa kini.

Menurut Mai dan Akerson (2003), tiga aspek yang harus diambil peduli dalam konsep komunikasi kepimpinan iaitu (i) pentadbir sekolah harus tahu apa yang ingin disampaikan serta bagaimana maklumat tersebut disampaikan, (ii) mengetahui dengan siapa pentadbir sekolah berkomunikasi dan (iii) bagaimana cara pentadbir sekolah mengenali dan mewujudkan pengikutnya. Komunikasi kepimpinan tidak akan wujud sekiranya tiada interaksi atau dialog dengan kakitangan. Walaupun pentadbir sekolah diberi kuasa namun kepimpinan hanya dapat dicipta dalam organisasi bersama ahlinya dengan membuat perubahan bersama dan berkongsi pendapat atau pandangan yang akan membangunkan perhubungan yang erat antara pentadbir dan kakitangan. Mai dan Akerson (2003) telah mengkategorikan komunikasi kepimpinan kepada tiga fungsi utama iaitu jurubina komuniti kerja, jurupandu arah dan juara pembaharuan. Fungsi sebagai jurubina komuniti kerja memerlukan seseorang pemimpin berkomunikasi dengan gaya pemberi makna, penglipur lara dan pembina kepercayaan. Manakala dalam fungsi sebagai jurupandu arah, pemimpin perlu berkomunikasi dengan gaya penentu arah, perintis transisi dan agen penghubung. Akhir sekali, fungsi sebagai juara pembaharuan ditentukan dengan empat gaya komunikasi iaitu pengkritik, pemprovokasi, rakan pembelajaran dan pembimbing inovasi.

METODOLOGI

Reka bentuk kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan dengan pendekatan kuantitatif bagi mencapai objektif kajian dan menjawab persoalan kajian. Bagi mendapatkan maklumat mengenai gaya komunikasi kepimpinan guru besar dan tahap efikasi kendiri guru sekolah rendah di daerah Dalat, borang soal-selidik digunakan. Menurut Chua (2006), kajian tinjauan menggunakan borang soal selidik amat terkenal kerana pengkaji boleh mengumpul data tentang sikap, tingkah laku, perasaan dan pandangan daripada sampel yang dikaji. Selain itu, dengan cara ini juga pengkaji boleh mengumpul data dengan cepat dalam masa yang singkat sahaja. Di samping itu, saiz sampel yang lebih besar juga dapat digunakan jika dibandingkan dengan kaedah kajian eksperimental.

Populasi dan Pensampelan

Populasi merujuk kepada sekumpulan individu yang mempunyai kriteria atau ciri yang sama (Creswell, 2008). Populasi dalam kajian ini adalah kumpulan guru sekolah rendah dalam daerah Dalat. Jadual 1 menunjukkan populasi kajian yang terdiri daripada para guru yang mengajar sekolah rendah di 21 buah Sekolah Kebangsaan dan 4 buah Sekolah Jenis Kebangsaan di daerah Dalat (Data Pejabat Pendidikan Daerah Dalat, September 2021).

Jadual 1

Populasi Kajian Mengikut Sekolah

| Bil. | Nama Sekolah | Bilangan Guru |
|------|-----------------------------------|---------------|
| 1 | Sekolah Kebangsaan Kampung Kebuaw | 8 |
| 2 | Sekolah Kebangsaan Kampung Igan | 25 |
| 3 | Sekolah Kebangsaan Sg Rasau | 9 |
| 4 | Sekolah Kebangsaan Sg Pinang | 7 |
| 5 | Sekolah Kebangsaan Kg Bungan | 9 |
| 6 | Sekolah Kebangsaan Sg Ilas | 5 |
| 7 | Sekolah Kebangsaan Kpg Teh | 7 |
| 8 | Sekolah Kebangsaan Baoh Ulu | 8 |

.....sambungan Jadual 1

| | | |
|---------------|--|------------|
| 9 | Sekolah Kebangsaan Kampung Bakong Terus | 8 |
| 10 | Sekolah Kebangsaan Datu Pengiran Mohamad | 27 |
| 11 | Sekolah Kebangsaan Kg Tanam | 10 |
| 12 | Sekolah Kebangsaan Kg Balan | 8 |
| 13 | Sekolah Kebangsaan Sg Ud | 28 |
| 14 | Sekolah Kebangsaan Sungai Kut Tengah Dalat | 6 |
| 15 | Sekolah Kebangsaan Kg Senau | 12 |
| 16 | Sekolah Kebangsaan Kg Klid/Plajau | 8 |
| 17 | Sekolah Kebangsaan St Luke Ng Baoh | 9 |
| 18 | Sekolah Kebangsaan St. Jude | 8 |
| 19 | Sekolah Kebangsaan St Bernard | 13 |
| 20 | Sekolah Kebangsaan St John Kg Medong | 18 |
| 21 | Sekolah Kebangsaan St Kevin Sg Kut | 11 |
| 22 | Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Yak Tee | 8 |
| 23 | Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Chin Hua | 12 |
| 24 | Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) San San | 3 |
| 25 | Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Poi Yuk | 10 |
| Jumlah | | 277 |

Jumlah populasi dalam kajian ini adalah seramai 277 orang guru. Berdasarkan jumlah populasi tersebut, saiz sampel ditetapkan kepada 162 orang mengikut Jadual Penentuan Saiz Sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970). Pemilihan responden dibuat berdasarkan kaedah rawak sistematik yang mana setiap guru diberikan nombor 1 sehingga 277, kemudian cabutan dibuat menggunakan sistem nombor rawak sehingga 162 guru dikenal pasti daripada senarai tersebut.

Instrumen Kajian

Instrumen Gaya Komunikasi Kepimpinan Pentadbir Sekolah

Instrumen yang digunakan untuk mengukur pemboleh ubah tidak bersandar iaitu gaya komunikasi kepimpinan guru besar adalah adaptasi daripada Profil Komunikasi Kepimpinan (*Leadership Communication Profile*) yang telah dibangunkan oleh Mai dan Akerson (2003) dan diubahsuai oleh Rosnah (2017) untuk konteks sekolah. Instrumen ini terdiri daripada 40 item merangkumi semua komponen yang menerangkan sepuluh gaya komunikasi kepimpinan iaitu gaya komunikasi pemberi makna, penglipur lara, pembina kepercayaan, penentu arah, perintis transisi, agen penghubung, pengkritik, pemprovokasi, rakan pembelajaran dan pembimbing inovasi. Gaya ini dikategorikan kepada tiga fungsi utama iaitu sebagai jurubina komuniti kerja, jurupandu arah dan juara pembaharuan. Responden diminta untuk memberi persepsi terhadap Guru Besar sekolah mereka dengan menggunakan skala Likert lima mata iaitu 1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = antara setuju dan tidak setuju, 4 = setuju dan 5 = sangat setuju. Item-item yang digunakan untuk mengukur gaya komunikasi kepimpinan adalah seperti yang disenaraikan dalam Jadual 2.

Jadual 2

Item-Item Gaya Komunikasi Kepimpinan

| Fungsi komunikasi | Gaya komunikasi | Item |
|-------------------------|---|---------------|
| Jurubina Komuniti Kerja | Pemberi Makna (<i>meaning-maker</i>) | E1S1 – E1S4 |
| | Penglipur Lara (<i>storyteller</i>) | E2S5 – E2S8 |
| | Pembina Kepercayaan (<i>trust builder</i>) | E3S9 – E3S12 |
| Jurupandu Arah | Penentu Arah (<i>direction setter</i>) | E4S13 – E4S16 |
| | Perintis Transisi (<i>transition pilot</i>) | E5S17 – E5S20 |
| | Agen Penghubung (<i>linking agent</i>) | E6S21 – E6S24 |

| | | |
|-------------------|--|--|
| Juara Pembaharuan | Pengkritik (<i>critic</i>) Pemprovokasi (<i>provocateur</i>) Rakan Pembelajaran (<i>learning advocate</i>) Pembimbing Inovasi (<i>innovation coach</i>) | E7S25 – E7S28 E8S29 – E8S32 E9S33 – E9S36 E10S37 – E10S40 |
|-------------------|--|--|

Instrumen Efikasi Kendiri Guru (Teacher's Self-Efficacy Scale (TSES))

Instrumen yang digunakan untuk mengukur pemboleh ubah bersandar iaitu efikasi kendiri guru adalah diadaptasi daripada skala yang dibangunkan oleh Tschannen-Moran dan Woolfolk Hoy pada tahun 2001. Soal selidik ini terdiri daripada 24 item merangkumi semua komponen yang berkaitan dengan efikasi kendiri guru. Terdapat tiga dimensi efikasi kendiri guru di dalam instrumen ini iaitu dimensi strategi pengajaran, dimensi pengurusan bilik darjah dan dimensi penglibatan murid.

Responden diminta untuk mengenal pasti tahap efikasi kendiri dengan menggunakan skala Likert sembilan mata (*nine-point Likert scale*) iaitu 1 = tidak peduli langsung, 2 = sedikit peduli, 3 = peduli, 4 = sedikit terkesan, 5 = terkesan, 6 = lebih terkesan, 7 = ada kesungguhan, 8 = lebih kesungguhan dan 9 = penuh kesungguhan. Item-item intsrumen yang digunakan untuk mengukur tahap efikasi kendiri guru adalah seperti yang disenaraikan dalam Jadual 3.

Jadual 3

Item-item Efikasi Kendiri Guru

| Dimensi | Item |
|-------------------------|---------------|
| Strategi pengajaran | F1S1 – F1S8 |
| Pengurusan bilik darjah | F2S9 – F2S16 |
| Penglibatan murid | F3S17 – F3S24 |

Kesahan dan kebolehpercayaan

Dua kaedah kesahan telah dilaksanakan terhadap instrumen kajian. Kesahan muka telah dilakukan oleh dua orang pakar bahasa yang melakukan *back-to-back translation* bagi mengesahkan perterjemahan item kepada Bahasa Melayu adalah tepat dan tidak menghilangkan maksud asal setiap item. Manakala, kesahan kandungan telah dibuat oleh tiga orang pakar bidang daripada tiga universiti tempatan.

Selanjutnya kajian rintis telah dilaksanakan. Soal selidik telah ditadbirkan kepada seramai 42 responden semasa kajian rintis bagi menguji kebolehpercayaan instrumen kajian. Jadual 4 menunjukkan nilai keseluruhan *Cronbach alpha* bagi instrumen gaya komunikasi kepimpinan guru besar dan tahap efikasi kendiri guru.

Jadual 4

Statistik Kebolehpercayaan Instrumen Gaya Komunikasi Kepimpinan Pentadbir Sekolah dan Tahap Efikasi Guru

| Instrumen | Cronbach's Alpha | Cronbach's Alpha Based on Standardized Items | Bilangan item |
|----------------------------|-------------------------|---|----------------------|
| Gaya Komunikasi Kepimpinan | .983 | .983 | 40 |
| Efikasi Kendiri Guru | .974 | .975 | 24 |

Nilai *alpha Cronbach* bagi gaya komunikasi kepimpinan pentadbir sekolah ialah $\alpha = .983$ dan tahap efikasi guru sekolah rendah ialah $\alpha = .974$ menunjukkan kebolehpercayaan instrumen berada pada tahap yang sangat baik (Vierra et al., 1997).

Prosedur Kutipan Data

Kajian ini melibatkan guru-guru sekolah rendah daripada 25 buah sekolah rendah di daerah Dalat, Sarawak. Langkah pertama yang dilakukan adalah membuat surat permohonan untuk menjalankan kajian kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia. Seterusnya, permohonan surat kebenaran atau kelulusan untuk menjalankan kajian di sekolah dibuat kepada Pejabat Pendidikan Daerah Dalat (PPD) bagi membolehkan kajian dilaksanakan di sekolah-sekolah rendah di daerah Dalat, Sarawak. Selanjutnya, Guru Besar setiap sekolah terlibat dihubungi bagi memohon kebenaran secara lisan untuk mengedarkan soal selidik kepada guru di sekolah mereka dan seterusnya surat permohonan rasmi dihantar. Soal selidik kemudianya diedarkan dalam bentuk *google forms* kepada guru-guru yang dipilih melalui kaedah pensampelan rawak sistematik. Sebelum itu, penerangan ringkas juga diberikan terlebih dahulu kepada semua responden mengenai tujuan kajian dijalankan. Apabila semua *google forms* yang diisi oleh responden telah dikembalikan, prosedur terakhir yang perlu dilakukan ialah memasukkan semua data yang dikumpul ke dalam komputer dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) untuk dianalisis.

Analisis Data

Data yang telah diperoleh melalui instrumen soal selidik dianalisis menggunakan *Statiscal Package For The Social Sciences* (SPSS) for Windows versi 25.0. Dua jenis statistik yang digunakan bagi menganalisis data soal selidik tersebut iaitu statistik deskriptif dan statistik inferensi. Ghazali dan Sufean (2019) menjelaskan bahawa statistik deskriptif dilakukan bagi memperlihatkan ciri-ciri sesuatu sampel serta membuat rumusan berdasarkan data-data bernombor. Manakala, statistik inferensi digunakan bagi menunjukkan dan menjelaskan tentang hubungan, perbezaan dan faktor di antara pemboleh ubah.

Soalan kajian terhadap gaya komunikasi kepimpinan guru besar dan tahap efikasi guru sekolah rendah dijawab dengan melakukan analisis deskriptif. Analisis ini dibuat dengan mendapatkan min dan sisihan piawai bagi kedua-dua pemboleh ubah. Julat skor bagi menentukan interpretasi bagi skor min diterbitkan melalui formula: Julat = (skala tertinggi – skala terendah) / tahap skor.

Seterusnya Jadual 5 dan 6 menunjukkan interpretasi nilai min bagi tahap amalan gaya komunikasi kepimpinan guru besar dan tahap efikasi kendiri guru.

Jadual 5

Interpretasi Nilai Min bagi Gaya Komunikasi Kepimpinan Guru Besar

| Skor | Interpretasi Tahap |
|-------------|---------------------------|
| 1.00 – 2.33 | Rendah |
| 2.34 – 3.66 | Sederhana |
| 3.67 – 5.00 | Tinggi |

Jadual 6

Interpretasi Nilai Min bagi Efikasi Kendiri Guru

| Skor | Interpretasi Tahap |
|-------------|---------------------------|
| 1.00 – 3.67 | Rendah |
| 3.68 – 6.34 | Sederhana |
| 6.35 – 9.00 | Tinggi |

Ujian normaliti menunjukkan data adalah bertaburan normal, maka ujian Korelasi Pearson digunakan untuk menentukan hubungan antara komunikasi kepimpinan guru besar dengan efikasi kendiri guru. Pekali Pearson dapat menunjukkan hubungan di antara dua pemboleh ubah yang disebar secara normal (Ghazali & Sufean, 2019). Jadual 7 menunjukkan interpretasi kekuatan hubungan yang diterjemahkan melalui nilai *r* iaitu pekali korelasi.

Jadual 7*Interpretasi Nilai Pekali Korelasi (R) Berdasarkan Cohen (1988)*

| Nilai Pekali Korelasi (r) | Interpretasi kekuatan hubungan |
|----------------------------------|---------------------------------------|
| 0.10 hingga 0.29 | Lemah |
| 0.30 hingga 0.49 | Sederhana Kuat |
| 0.50 hingga 1.0 | Kuat |

Hubungan yang berkadar terus di antara kedua-dua pemboleh ubah menunjukkan nilai r yang positif. Sekiranya hasil menunjukkan hubungan yang berkadar songsang di antara kedua pemboleh ubah, maka nilai r yang terhasil adalah negatif (Ghazali & Sufean, 2019).

DAPATAN KAJIAN***Maklumat Demografi Responden***

Kajian ini hanya tertumpu kepada guru-guru sekolah rendah yang sedang berkhidmat di daerah Dalat, Sarawak. Responden terdiri daripada guru-guru dari 21 buah Sekolah Kebangsaan (SK) dan 4 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Seramai 169 orang guru telah menjawab soal selidik yang diedarkan. Jadual 8 menunjukkan maklumat demografi responden yang terlibat dalam kajian ini.

Jadual 8*Maklumat Demografi Responden*

| Variabel | Kekerapan (f) | Peratus (%) |
|------------------------------------|----------------------|--------------------|
| Jantina | | |
| Lelaki | 52 | 30.8 |
| Perempuan | 117 | 69.2 |
| Umur (Tahun) | | |
| 21-30 | 49 | 29.0 |
| 31-40 | 71 | 42.0 |
| 41-50 | 28 | 16.6 |
| 51-60 | 21 | 12.4 |
| Kelulusan Akademik | | |
| Sijil | 5 | 3.0 |
| Diploma | 10 | 5.9 |
| Ijazah Sarjana Muda | 144 | 85.2 |
| Sarjana | 10 | 5.9 |
| PHD | 0 | 0.0 |
| Pengalaman Mengajar (Tahun) | | |
| 1-5 | 48 | 28.4 |
| 6-10 | 49 | 29.0 |
| 11-15 | 18 | 10.7 |
| 16-20 | 20 | 11.8 |
| 21 tahun ke atas | 34 | 20.1 |

Berdasarkan Jadual 8, seramai 52 orang guru (30.8%) terdiri daripada guru lelaki manakala selebihnya iaitu 117 orang (69.2%) merupakan guru perempuan. Berdasarkan taburan kekerapan mengikut umur, responden paling ramai adalah dalam lingkungan umur antara 31 tahun hingga 40 tahun dengan bilangan seramai 71 orang (42.0%), diikuti dengan responden yang berumur antara 21 tahun hingga 30 tahun iaitu seramai 49 (29.0%). Manakala responden berumur antara 41 tahun hingga 50 tahun adalah seramai 28 orang (16.6%). Akhir sekali, kekerapan paling rendah adalah responden dalam lingkungan umur antara 51 tahun hingga 60 tahun iaitu seramai 21 orang (12.4%). Seterusnya, taburan kekerapan

mengikut kelulusan akademik yang mana responden dengan kelulusan akademik Ijazah Sarjana Muda menunjukkan taburan kekerapan yang paling tinggi iaitu seramai 144 orang (85.2%). Diikuti dengan responden yang mempunyai kelulusan akademik berkelayakan Diploma dan Sarjana iaitu seramai 10 orang (5.9%) masing-masing. Responden yang mempunyai kelulusan akademik berkelayakan Sijil merupakan taburan kekerapan yang paling rendah di mana seramai 5 orang (3.0%) dan tiada responden dengan kelulusan PhD.

Sementara itu, taburan kekerapan mengikut pengalaman mengajar yang paling tinggi adalah responden yang mempunyai pengalaman mengajar antara 6 hingga 10 tahun iaitu seramai 49 orang (29.0%). Diikuti dengan responden yang mempunyai pengalaman mengajar antara 1 hingga 5 tahun iaitu seramai 48 orang (28.4%). Manakala, responden yang mempunyai pengalaman mengajar selama 21 tahun ke atas merupakan taburan kekerapan yang sederhana iaitu seramai 34 orang (20.1%). Taburan kekerapan yang rendah adalah responden yang mempunyai pengalaman mengajar selama 16 hingga 20 tahun dan 11 hingga 15 tahun di mana masing-masing seramai 20 orang (11.8%) dan 18 orang (0.7%).

Gaya komunikasi kepimpinan guru besar

Gaya komunikasi kepimpinan guru besar merujuk pada sepuluh gaya komunikasi kepimpinan iaitu pemberi makna, penglipur lara, pembina kepercayaan, penentu arah, perintis transisi, agen penghubung, pengkritik, pemprovokasi, rakan pembelajaran dan pembimbing inovasi. Sepuluh gaya ini dikategorikan kepada tiga fungsi utama iaitu sebagai jurubina komuniti kerja, juru-pandu arah dan juara pembaharuan. Jadual 9 menunjukkan skor min, sisihan piawai dan tahap bagi tiga fungsi utama tersebut.

Jadual 9

Skor Min dan Sisihan Piawai Gaya Komunikasi Kepimpinan Berdasarkan Tiga Fungsi Utama

| Fungsi | Min | Sisihan piawai | Tahap |
|-------------------------|------------|-----------------------|--------------|
| Jurubina Komuniti Kerja | 4.18 | .683 | Tinggi |
| Jurupandu Arah | 4.16 | .697 | Tinggi |
| Juara Pembaharuan | 4.11 | .668 | Tinggi |
| Keseluruhan | 4.15 | .683 | Tinggi |

Dapatkan menunjukkan keseluruhan ketiga-tiga fungsi komunikasi kepimpinan guru besar berada pada tahap tinggi dengan nilai skor min 4.15 dan sisihan piawai 0.683. Fungsi komunikasi sebagai jurubina komuniti kerja menunjukkan skor min yang paling tinggi dengan nilai 4.18 dan sisihan piawai 0.683 serta berada pada tahap tinggi. Seterusnya, fungsi komunikasi sebagai jurupandu arah dengan nilai skor min 4.16 dan sisihan piawai 0.697. Manakala, fungsi komunikasi sebagai juara pembaharuan dengan nilai skor min 4.11 dan sisihan piawai 0.668. Jadual 10, 11 dan 12 menunjukkan skor min, sisihan piawai dan tahap setiap gaya komunikasi berdasarkan item-item.

Komunikasi sebagai jurubina komuniti kerja

Jadual 10 menunjukkan nilai min dan sisihan piawai bagi fungsi sebagai jurubina komuniti kerja dengan gaya pemberi makna, penglipur lara dan pembina kepercayaan.

Jadual 10

Komunikasi Kepimpinan Sebagai Jurubina Komuniti Kerja

| Gaya komunikasi kepimpinan | Min | Sisihan piawai | Tahap |
|--|------------|-----------------------|--------------|
| Pemberi Makna (<i>meaning-maker</i>) | 4.31 | .663 | Tinggi |
| Penglipur Lara (<i>storyteller</i>) | 3.99 | .666 | Tinggi |
| Pembina Kepercayaan (<i>trust builder</i>) | 4.23 | .723 | Tinggi |

Berdasarkan Jadual 10, didapati nilai min yang paling tinggi adalah gaya pemberi makna iaitu 4.31 dengan sisihan piawai 0.663. Diikuti dengan gaya pembina kepercayaan dengan nilai min 4.23 dan sisihan piawai 0.723. Nilai min yang paling rendah ialah gaya penglipur lara iaitu 3.99 dengan sisihan piawai 0.666. Ini menunjukkan guru besar di daerah Dalat sering melaksanakan komunikasi untuk memberi makna dan membina kepercayaan berbanding dengan komunikasi bercerita.

Komunikasi sebagai jurupandu arah

Jadual 11 menunjukkan nilai min dan sisihan piawai bagi fungsi sebagai jurupandu arah dengan gaya penentu arah, perintis transisi dan agen penghubung.

Jadual 11

Komunikasi Kepimpinan Sebagai Jurupandu Arah

| Gaya komunikasi kepimpinan | Min | Sisihan piawai | Tahap |
|---|------|----------------|--------|
| Penentu Arah (<i>direction setter</i>) | 4.19 | .696 | Tinggi |
| Perintis Transisi (<i>transition pilot</i>) | 4.13 | .711 | Tinggi |
| Agen Penghubung (<i>linking agent</i>) | 4.17 | .686 | Tinggi |

Berdasarkan Jadual 11, gaya penentu arah dan agen penghubung mempunyai nilai min yang tinggi iaitu masing-masing dengan nilai 4.17 (sisihan piawai = 0.696) dan 4.17 (sisihan piawai = 0.686). Jelas menunjukkan bahawa guru besar di daerah Dalat menggunakan gaya komunikasi penentu arah dan agen penghubung lebih tinggi berbanding dengan gaya perintis transisi dengan nilai min 4.13 dan sisihan piawai 0.711.

Komunikasi sebagai juara pembaharuan

Jadual 12 menunjukkan nilai min dan sisihan piawai bagi fungsi sebagai juara pembaharuan dengan gaya pengkritik, pemprovokasi, rakan pembelajaran dan pembimbing inovasi.

Jadual 12

Komunikasi Kepimpinan Sebagai Juara Pembaharuan

| Gaya komunikasi kepimpinan | Min | Sisihan piawai | Tahap |
|---|------|----------------|--------|
| Pengkritik (<i>critic</i>) | 4.04 | .648 | Tinggi |
| Pemprovokasi (<i>provocateur</i>) | 3.95 | .732 | Tinggi |
| Rakan Pembelajaran (<i>learning advocate</i>) | 4.25 | .658 | Tinggi |
| Pembimbing Inovasi (<i>innovation coach</i>) | 4.19 | .635 | Tinggi |

Merujuk Jadual 12, analisis nilai min menunjukkan guru besar melaksanakan gaya komunikasi rakan pembelajaran dan pembimbing inovasi pada tahap tinggi masing-masing dengan nilai 4.25 (sisihan piawai = 0.658) dan 4.19 (sisihan piawai = 0.635). Seterusnya diikuti dengan gaya komunikasi pengkritik dengan nilai min 4.04 dan sisihan piawai 0.648. Gaya komunikasi pemprovokasi paling kurang diamalkan berbanding tiga gaya terdahulu tetapi masih pada tahap tinggi dengan nilai min 3.95 dan sisihan piawai 0.732.

Efikasi Kendiri Guru Sekolah Rendah

Terdapat tiga dimensi bagi tahap efikasi kendiri guru iaitu strategi pengajaran, pengurusan bilik darjah dan penglibatan murid. Untuk melihatkan gambaran tahap efikasi kendiri guru sekolah rendah di daerah Dalat, analisis data ditafsirkan melalui skor min dan sisihan piawai. Jadual 13 menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi efikasi kendiri guru mengikut dimensi.

Jadual 13

Skor Min dan Sisihan Piawai Tahap Efikasi Guru Berdasarkan Dimensi

| Dimensi | Min | Sisihan piawai | Tahap |
|---------------------|------|----------------|--------|
| Strategi Pengajaran | 7.38 | 1.011 | Tinggi |

| | | | |
|-------------------------|------|-------|--------|
| Pengurusan Bilik Darjah | 7.67 | 1.059 | Tinggi |
| Penglibatan Murid | 7.42 | 1.072 | Tinggi |
| Keseluruhan | 7.49 | 1.047 | Tinggi |

Secara keseluruhannya, tahap efikasi kendiri guru berada pada tahap tinggi dengan nilai skor min 7.49 dan sisihan piawai 1.047. Dimensi pengurusan bilik darjah menunjukkan skor min yang paling tinggi dengan nilai 7.67 dan sisihan piawai 1.059. Diikuti dengan dimensi penglibatan murid dengan nilai skor min ialah 7.42, sisihan piawai 1.072 dan seterusnya dimensi strategi pengajaran dengan nilai skor min 7.38 serta sisihan piawai 1.011.

Hubungan antara komunikasi kepimpinan guru besar dengan efikasi kendiri guru

Hasil ujian korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara gaya komunikasi guru besar dengan efikasi kendiri guru sekolah rendah daerah Dalat dengan nilai Pearson $r = 0.324$, $p < 0.05$. Jadual 14 menunjukkan keputusan ujian Korelasi Pearson untuk hipotesis ini.

Jadual 14

Hubungan Gaya Komunikasi Kepimpinan Guru Besar dan Tahap Efikasi Kendiri Guru

| | | Gaya Kepimpinan | Komunikasi Kepimpinan | Efikasi Guru | Kendiri |
|----------------------|------------|------------------------|--------------------------|-----------------|---------|
| Gaya Kepimpinan | Komunikasi | Pearson Correlation | 1 | | .324** |
| | | Sig. (2-tailed) | | | .000 |
| | | N | 169 | | 169 |
| Efikasi Kendiri Guru | | Pearson Correlation | .324** | 1 | |
| | | Sig. (2-tailed) | .000 | | |
| | | N | 169 | | 169 |

**. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Hasil analisis menunjukkan bahawa gaya komunikasi kepimpinan guru besar mempunyai hubungan yang signifikan ($p < 0.05$) dengan efikasi kendiri guru sekolah rendah di daerah Dalat, Sarawak. Nilai koefisien ($r = 0.324$) menunjukkan terdapat hubungan yang sederhana kuat antara kedua-dua pembolehubah. Oleh yang demikian H_01 = Tidak terdapat hubungan antara gaya komunikasi kepimpinan dengan efikasi kendiri guru adalah ditolak.

PERBINCANGAN

Rajhans (2009) menjelaskan bahawa kemahiran komunikasi yang berkesan adalah salah satu ciri yang penting untuk sesebuah organisasi mencapai matlamat yang telah ditetapkan ataupun memperoleh kecemerlangan. Pemimpin sekolah berkomunikasi setiap masa dengan kakitangan beliau dalam pelbagai cara dan gaya dengan tujuan untuk mencapai matlamat sekolah. Komunikasi kepimpinan pemimpin sekolah dalam kajian ini dikaji berdasarkan tiga fungsi komunikasi kepimpinan utama iaitu jurubina komuniti kerja, jurupandu arah dan juara pembaharuan. Skor min menunjukkan tahap yang tinggi bagi ketiga-tiga fungsi tersebut dan skor min keseluruhan juga berada pada tahap yang tinggi. Dapatkan kajian juga menunjukkan komunikasi kepimpinan sebagai jurubina komuniti kerja berada pada skor min paling tinggi. Di dalam kategori jurubina komuniti kerja, terdapat tiga gaya komunikasi kepimpinan iaitu pemberi makna, penglipur lara dan pembina kepercayaan. Kebanyakan guru besar di daerah Dalat mengamalkan gaya komunikasi pemberi makna iaitu dengan nilai min yang paling tinggi. Kajian ini selari dengan kajian Rosnah Ishak (2017) yang mendapati pemimpin sering menggunakan gaya komunikasi pemberi makna ketika berkomunikasi dengan komuniti sekolah. Dapatkan ini juga seiring

dengan kajian yang telah dijalankan oleh Cooren et. al (2011) yang mendapati komunikasi pemimpin sebagai pemberi makna. Namun, dapatkan ini sedikit berbeza dengan hasil kajian yang diperoleh Robinson et al. (2020) dari aspek pembinaan kepercayaan kerana didapati pemimpin sekolah menggunakan komunikasi sebagai pembina kepercayaan secara sederhana sahaja.

Kajian ini juga mendapati efikasi kendiri guru sekolah rendah daerah Dalat berada pada tahap yang tinggi. Dapatkan ini sedikit berbeza berbeza dengan kajian-kajian sebelum ini (Nor Asmawati Ismail et al., 2020) yang mendapati tahap efikasi kendiri guru adalah sederhana. Hal yang demikian adalah kerana efikasi kendiri guru sangat bergantung kepada pelbagai faktor latar belakang responden. Misalnya, tahap pendidikan dan pengalaman mengajar guru memainkan peranan utama dalam menentukan aspek efikasi kendiri mereka (Aida Mokhtar et al., 2021). Persepsi guru terhadap kepimpinan guru besar di sekolah juga memainkan peranan yang sangat penting dalam efikasi kendiri guru (Kasa et al., 2020).

KESIMPULAN

Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya komunikasi kepimpinan guru besar dengan tahap efikasi kendiri guru sekolah rendah di daerah Dalat, Sarawak. Kajian ini menekankan tentang gaya komunikasi tertentu yang perlu disesuaikan dengan fungsi tertentu dalam berkomunikasi sebagai pemimpin sekolah. Gaya komunikasi yang digunakan bertepatan dengan fungsinya dapat membantu guru dalam pelaksanaan tugas mereka yang seterusnya akan dapat meningkatkan efikasi kendiri guru. Justeru, adalah penting bagi setiap pemimpin sekolah untuk mengetahui adanya gaya berkomunikasi untuk fungsi tertentu sebagai pemimpin, memahami pentingnya gaya berkomunikasi tersebut, serta mengaplikasikan gaya komunikasi yang sesuai dalam mengemudi sekolah secara berkesan.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Abdul Aziz (2010). *Kemahiran sosial asas*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ab. Samad Kechot, & Daeng Haliza Daeng Jamal (2012). Pengurusan badan bukan kerajaan (ngo) perfileman: Gaya komunikasi kepimpinan dan kesannya kepada ahli organisasi. *Jurnal Pengurusan*, 34, 151 – 162.
- Aida Mokhtar, Maouloud, V. M., Omowunmi, A. K., & Mohamad Sahari Nordin. (2021). Teachers' commitment, self-efficacy and job satisfaction as communicated by trained teachers. *Management in Education*. <https://doi.org/10.1177/0892020621101-9400>.
- Ainon Mohammad & Abdullah Hassan. (2010). *Komunikasi berkesan*. Penerbit Fajar Bakti.
- Ananthan Nadarajan & Rosnah Ishak (2023). Komunikasi penyeliaan pemimpin sekolah dan hubungannya dengan keberkesanannya sekolah di daerah Dalat, Sarawak. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 10(1), 10-21.
- Ayuni Nabilah Alias, Karmegam Karuppiyah, Vivien How, & Velu Perumal (2020). Prevalence of musculoskeletal disorders (MSDS) among primary school female teachers in Terengganu, Malaysia. *International Journal of Industrial Ergonomics*, 77. <https://doi.org/10.1016/j.ergon.2020.102957>
- Azlin Norhaini Mansor & Roselan Baki. (2015). *Amalan pengurusan pengetua*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bandura, A. (1978). Self-efficacy: Toward a unifying theory of behavioral change. *Advances in behaviour research and therapy*, 1(4), 139-161.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah dan statistik penyelidikan*. McGraw Hill.
- Cohen, J. (1988). *Statistical power analysis for the behavioral sciences* (2nd Ed.). Lawrence Erlbaum Associates.
- Cooren, F., Kuhn, T., Cornelissen, J., & Clark, T. (2011). Communication, organizing and organization: an overview and introduction to the special issue. *Organization Studies* 32(9), 1149-1170

- Creswell, J.W. (2008). *Educational research (3rd Ed)*. Pearson Education Inc.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin (2019). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan: amalan dan analisis kajian*. Penerbit Universiti Malaya.
- Robinson, V.M.J., Meyer, F., Le Fevre, D., & Sinnema, C. (2020). The quality of leaders' problem-solving conversations: truth-seeking or truth-claiming? *Leadership and Policy in Schools*, 20(2), 1-22.
- Hoy, W. K., & Woolfolk, A. E. (1993). Teachers' sense of efficacy and the organizational health of schools. *The Elementary School Journal*, 93(4), 355-372.
- Hybels, S., & Waever, R.L. (2014). *Communicating effectively*. McGraw-Hill.
- Kasa, M. D., Mahmood, M. H. H., Yaakob, M. F. M., Yusof, M. R., Omar-Fauzee, M. S., Khun-Inkeeree, H., & Sofian, F. N. R. M. (2020). The morale of supervision: the impact of technical supervision skills of teaching and learning on teachers' self-efficacy. *International Journal of Criminology and Sociology*, 9, 335-349.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational And Psychological Measurement*, 30(3), 607-610.
- Mai, R., & Akerson, A. (2003). *The leader as communicator*. New York: American Management Association.
- Morris, D. B., Usher, E. L., & Chen, J. A. (2017). Reconceptualizing the sources of teaching self-efficacy: A critical review of emerging literature. *Educational Psychology Review*, 29(4), 795-833.
- Muhammad Faizal A. Ghani, Zuraidah Abdullah, Norfariza Mohd Radzi, & Rosnah Ishak (2018). Sekolah Berkesan Teori dan Amalan. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Zulhelmi Roslan, & Azlin Norhaini Mansor (2019). Peranan pengurusan guru besar di daerah Pontian, Johor. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial*, 2(3), 1-17.
- Nor Asmawati Ismail, Najihah Abd Wahid, Ahmad Shidki Mat Yusoff, Noradilah Abdul Wahab, Baidruel Hairiel Abd Rahim, Norliana Abd Majid & Rosdi Zakaria. (2020). The challenges of industrial revolution (IR) 4.0 towards the teacher's self-efficacy. In *Journal of Physics: Conference Series*, 1529(4), 042-062.
- Oluga B.A. (2010) Ambiguity in human communication: causes, consequences and resolution. *Jurnal Komunikasi*, 26 (1), 37-46.
- Rajhans, K. (2009). Effective organizational communication: A key to employee motivation and performance. *Interscience Management Review*, 2(2), 145-149.
- Rosnah Ishak (2017). Komunikasi kepimpinan dalam kalangan pemimpin sekolah. *Jurnal Komunikasi Borneo Edisi Khas*, 58-66.
- Rosnah Ishak, & Siti Nur fatihah Rusman (2018). Prestasi kerja guru dan hubungannya dengan faktor beban tugas, persekitaran kerja dan personal: kajian kes di sebuah sekolah di Sabah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 5(1), 1-15.
- Rotter, J. B. (1966). Generalized expectancies for internal versus external control of reinforcement. *Psychological Monographs*, 80(1), 1-28.
- Siti Nafsiah Ismail, Zuraidah Abdullah, Abdul Jalil Othman, & Salwati Shafie. (2018). Amalan komuniti pembelajaran profesional dalam kalangan bahasa Melayu di Selangor. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 5(4). <https://doi.org/10.1093/jnci/djw029>
- Tschannen-Moran, M., & Hoy, A. W. (2001). Teacher efficacy: Capturing an elusive construct. *Teaching and Teacher Education*, 17(7), 783-805.
- Tschannen-Moran, M., Hoy, A. W., & Hoy, W. K. (1998). Teacher efficacy: Its meaning and measure. *Review of Educational Research*, 68(2), 202-248.
- Tümkaya, G. S., & Miller, S. (2020). The perceptions of pre and in-service teachers' self-efficacy regarding inclusive practices: A systematised review. *Ilkogretim Online*, 19(2). <https://doi.org/10.17051/ilkonline.2020.696690>
- Vierra, A., Pollock, J., & Golez, F. (1997). *Reading educational research (3rd ed)*. Pearson Education Inc.

Yada, A., Tolvanen, A., Malinen, O. P., Imai-Matsumura, K., Shimada, H., Koike, R., & Savolainen, H. (2019). Teachers' self-efficacy and the sources of efficacy: A cross-cultural investigation in Japan and Finland. *Teaching and Teacher Education*, 81, 13-24.